



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(B)MEL/62 (16)
Tarikh : 1 Julai 2020
Bersamaan : 9 Zulkaedah 1441H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN PESANAN KERAJAAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN)

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, didapati masih terdapat Pesanan Kerajaan yang telah dibuat penerimaan bekalan / perkhidmatan tetapi masih belum dibuat pembayaran oleh PTJ tuan sehingga **30 Jun 2020** seperti di **Lampiran A**. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103, Ketua Jabatan hendaklah memastikan **bil dibayar dengan segera** tidak lewat dari **14 hari** dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

3. Sehubungan itu, pihak tuan diminta untuk menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** yang boleh dijana melalui modul Perolehan sistem iGFMS untuk melihat status terkini Pesanan Kerajaan yang terlibat. Pembayaran hendaklah dibuat dengan kadar segera sekiranya penerimaan bekalan / perkhidmatan telah disempurnakan dan dokumen lengkap telah diterima. Peraturan semasa yang masih berkuatkuasa juga hendaklah dipatuhi.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai kami Puan Nor Rashidah Binti Kadam / Cik Nur Hartatie Azira Binti Azizan di talian 06-289 5086 / 5007.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,


(LOKMAN BIN LATIP C.A(M))

Timbalan Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.